



**PEMAKLUMAN AM
3/2022**

SKALA FI MINIMUM PERANCANG BANDAR 2022

1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(c) Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538], Lembaga Perancang Bandar telah meluluskan **Skala Fi Minimum Perancang Bandar 2022** pada 22 November 2022.
2. Skala Fi Minimum Perancang Bandar 2022 ini melibatkan pindaan kepada Skala Fi Minimum Perancang Bandar 2021 iaitu:
 - i. Perkara 15 (i) (d) Fi Penyediaan Pelan Susun Atur bagi Permohonan Kebenaran Merancang - **Jadual 15-3: Jadual pembayaran bagi Kaedah 15 (i) (a) dan (b).**
 - ii. Perkara 15 (i) (d) Fi Penyediaan Pelan Susun Atur bagi Permohonan Kebenaran Merancang - **Jadual 15-4: Jadual pembayaran bagi Kaedah 15 (i) (c).**
 - iii. Perkara 15 (ii) Fi Penyediaan Pelan Susun Atur bagi Permohonan Kebenaran Merancang Pendirian Bangunan - **Jadual 15-6: Jadual pembayaran bagi Kaedah 15 (ii).**
3. Sehubungan itu, LPBM telah bersetuju agar Skala Fi Minimum Perancang Bandar 2022 menggantikan Skala Fi Minimum Perancang Bandar 2021 **BERKUAT KUASA BERMULA 1 DISEMBER 2022.**

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah

TPr ZAMIRZAN BIN PUJI

Pendaftar

Lembaga Perancang Bandar Malaysia

01 Disember 2022